



SIARAN MEDIA

MYBIT CATAT KEJAYAAN, 13 ANAK HARIMAU MALAYA DILAHIRKAN DI NWRC

Program Pembiakan Harimau Malaya Dalam Kurungan (Malayan Tiger Breeding in Captivity Programme – MyBIT) yang dilaksanakan Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia terus mencatatkan perkembangan positif apabila 13 ekor anak Harimau Malaya berjaya dilahirkan, dengan sembilan (9) ekor terus hidup di Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai, Perak sejak 2023 hingga 2026.

Kejayaan terbaharu direkodkan pada 28 Julai 2026 apabila pasangan Mek Santong dan Yeop Kuang melahirkan lima (5) ekor anak, selepas turut menghasilkan kelahiran pada Januari 2026. Ini menjadikan pasangan berkenaan berjaya menghasilkan kelahiran sebanyak dua kali dalam tahun yang sama.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, hari ini sewaktu lawatan turun padang beliau ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (National Wildlife Rescue Centre – NWRC), Sungkai, Perak bagi meninjau sendiri pelaksanaan program konservasi, perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar oleh Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia.

Program tersebut turut memberi peluang kepada YB Menteri melihat dengan lebih dekat pelaksanaan Program Pembiakan Harimau Malaya Dalam Kurungan (MyBIT), termasuk prosedur pengambilan koleksi sperma Harimau Malaya di Klinik NWRC.

Pencapaian ini membuktikan keberkesanan pendekatan pembiakan yang dirancang secara saintifik, termasuk pemilihan pasangan, pengurusan reproduktif, penjagaan veterinar serta pengurusan kelahiran dan kelangsungan hidup anak.

Kejayaan ini memperkukuh peranan NWRC dalam konservasi ex-situ Harimau Malaya, khususnya melalui pengurusan pembiakan secara saintifik, pemantauan kesihatan dan reproduktif serta penjagaan kebajikan haiwan.

Program ini dilaksanakan melalui kerjasama Jabatan PERHILITAN dengan institusi zoologi tempatan, termasuk Zoo Kemaman, Zoo Melaka, Zoo Negara dan A' Famosa Safari Wonderland.

Selain Harimau Malaya, YB Menteri turut meninjau program konservasi hidupan liar lain di NWRC termasuk Beruang Matahari dan Tapir Malaya, sekali gus menzahirkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan kelangsungan spesies hidupan liar negara.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan PERHILITAN akan terus memperkukuh usaha konservasi ex-situ dan in-situ secara bersepadu bagi memastikan Harimau Malaya serta hidupan liar lain terus dilindungi dan dipelihara untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
21 OGOS 2026

